

4 beradik tak mengaku salah ubah wang haram RM1.8j

Bekas eksekutif akaun, tiga adik berdepan 100 pertuduhan

Ipoh: Bekas eksekutif akaun Yayasan Nurul Yaqeen bersama tiga adiknya, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas 100 pertuduhan pengubahan wang haram dengan jumlah keseluruhan RM1.8 juta sejak lima tahun lalu.

Tertuduh, Mimi Khairani Baharudin, 36, yang menghadapi 32 pertuduhan berjumlah RM905,392 mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azman Abu Hassan.

Wanita yang hamil lima bulan itu, didakwa melakukan semua kesalahan antara 1 Januari 2015 hingga 31 Disember di Maybank cawangan Tapah.

Yayasan Nurul Yaqeen adalah milik Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sementara itu, di mahkamah sama, tiga adiknya iaitu Mohd Khairul Asrani, 34; Nur Izyani 33, dan Muhammad Nur Husaini, 26, mengaku tidak bersalah, masing-masing atas 29, 20 dan 19 pertuduhan membabitkan jumlah keseluruhan RM897,063 yang didakwa dilakukan antara 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2018 di Maybank cawangan Ipoh



Empat beradik berdepan 100 pertuduhan pengubahan wang haram dengan jumlah keseluruhan RM1.8 juta sejak lima tahun lalu di Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam. (Foto BERNAMA)

Garden di sini.

Semua mereka didakwa mengikut subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 yang boleh dipenjarakan maksimum 15 tahun dan denda lima kali ganda nilai hasil aktiviti haram atau RM5 juta atau mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Farid Ahmad Kamal manakala keempat-empat tertuduh diwakili peguam Norizawani Ahmad Jalaludin.

Terdahulu, Ahmad Farid me-

nawarkan jaminan RM4.8 juta kepada Mimi Khairani dan RM4.35 juta kepada Mohd Khairul Asrani, manakala Nur Izyani serta Muhammad Nur Husaini masing-masing ditawarkan RM3 juta dan RM2.85 juta.

Bagaimanapun, Norizawani memohon mahkamah meringankan jumlah jaminan kerana keempat-empat tertuduh tidak bekerja dan keluarga hanya mempunyai tunai RM50,000 untuk ikat jamin semua mereka serta akaun bank dibekukan bagi tujuan siasatan.

Selain itu, mahkamah dimaklumkan Nur Izyani baru saja disahkan menghidap kanser pa-

yudara dan fibroid dalam rahim.

Mahkamah kemudian membenarkan Mimi Khairani diikat jamin RM400,000 manakala RM350,000 bagi Mohd Khairul Asrani, Nur Izyani (RM250,000) dan Muhammad Nur Husaini (RM200,000) dengan seorang penjamin, menyerahkan passport kepada mahkamah dan melaporkan diri sebelum sekali di balai polis terdekat.

Mahkamah juga membenarkan apa-apa barang yang mempunyai nilai sama untuk dipindahkan bagi tujuan jaminan dan menetapkan 29 Julai bagi sebutan semula kes. BERNAMA